

16/01/2001

Tabung Latihan Kemahiran sedia RM135j

Tuan Nazuri Tuan Ismail

SUBANG JAYA, Isnin - Sejumlah RM135 juta disediakan menerusi Tabung Pinjaman Latihan Kemahiran tahun ini bagi membantu lepasan sekolah mengikuti kursus kemahiran sepenuh masa di institusi pengajian tinggi (IPT) awam atau swasta.

Sehubungan itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn berkata kementerianya juga sedang mengkaji kemungkinan membenarkan pekerja dalam pelbagai sektor memohon pinjaman itu bagi menyambung pelajaran di IPT.

"Kami mahu mencari jalan bagaimana tabung itu boleh dimanfaatkan golongan pekerja.

"Walaupun mereka sudah mempunyai kerjaya tetap, ia tidak bermakna mereka tidak berpeluang menyambung pelajaran, terutama dalam bidang teknologi maklumat (IT) selaras usaha melahirkan pekerja yang mahir dan berpengetahuan (K-ekonomi)," katanya.

Beliau berkata, menerusi tabung itu yang diuruskan kementerianya mulai tahun ini, lepasan sekolah boleh memohon pinjaman sebanyak RM5,000 setahun.

Dr Fong bagaimanapun berkata pinjaman tabung itu hanya untuk kursus kemahiran yang diiktiraf oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).

Maklumat lanjut mengenai prosedur dan syarat permohonan pinjaman itu akan disiarkan dalam akhbar tempatan, tidak lama lagi, katanya selepas merasmikan Persidangan Pengurusan Pengetahuan Kebangsaan anjuran Institut Kepimpinan Asian dan Strategi Asian (Asli) di sini, hari ini. Hadir sama, Presiden Asli, Mirzan Mahathir.

Mengenai perhimpunan secara besar-besaran yang membabitkan pekerja dan 1,000 komputer pada 17 Februari depan, beliau berkata, program itu akan dijadikan landasan bagi menggalakkan penggunaan teknologi maklumat di kalangan pekerja.

Beliau berkata, perhimpunan yang akan diadakan di Stadium Putra, Bukit Jalil itu, dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Fong berharap pekerja swasta yang berminat menghadiri perhimpunan itu, menghubungi kementerianya untuk maklumat lanjut.

Katanya, selain mempelajari penggunaan komputer meliputi pelbagai perisian, peserta pada perhimpunan itu turut diberi sijil kedatangan.

Mengenai cuti Tahun Baru Cina pada 24 dan 25 Januari ini, beliau berkata, pekerja di Sabah dan Sarawak tetap mendapat cuti dua hari itu, walaupun undang-undang buruh di kedua-dua negeri berkenaan berbeza dengan Semenanjung.

Dr Fong berkata, jumlah cuti itu sama seperti yang diberi kerajaan sempena sambutan Aidilfitri yang disambut pada 27 Disember lalu.

Bagaimanapun, katanya, pengumuman lanjut mengenai hal itu akan dibuat kementerianya tidak lama lagi.

Pekerja di Sabah dilindungi Ordinan Buruh 1950 manakala Ordinan Buruh Sarawak 1956 bagi pekerja di Sarawak. Di Semenanjung, semua pekerja dilindungi Akta Pekerjaan 1955.

(END)